

Ruj. : MBOT.600-8/5/1 JLD 3 (46)  
Tarikh : 12 Disember 2025

## KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

### PEMAKLUMAN SYARAT KELAYAKAN PENDAFTARAN TEKNOLOGIS BERIJAZAH/ TEKNOLOGIS PROFESIONAL (TS.) DALAM BIDANG PENGKOMPUTERAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT


Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan semenjak 2024, Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan Penandatangan Seoul Accord, iaitu suatu perjanjian pelbagai hala antara badan-badan akreditasi antarabangsa. Perjanjian ini merupakan suatu usaha di peringkat antarabangsa untuk memastikan graduan dalam bidang Pengkomputeran dan Teknologi Maklumat mempunyai kesetaraan dalam aspek kompetensi dan kualiti. Negara penandatangan Seoul Accord ialah Australia, Kanada, Taiwan, Hong Kong, Jepun, Korea, Mexico, United Kingdom, Amerika Syarikat, Arab Saudi, Ireland dan Indonesia. Bilangan negara penandatangan juga bertambah pada setiap tahun.
3. Sehubungan dengan itu, bermula pada tahun 2027, hanya graduan daripada program-program yang telah menerima **akreditasi daripada MBOT** sahaja layak untuk berdaftar sebagai Teknologis Berijazah dan Teknologis Profesional (Ts.). Ini melibatkan bagi pendaftaran dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (IT), Teknologi Keselamatan Siber (CS) dan Teknologi Senireka dan Multimedia Kreatif (AM). Ia bagi memastikan penyeragaman standard profesional, peningkatan kawal selia kompetensi, serta penjajaran program akademik dengan amalan di peringkat antarabangsa.
4. Bagi memastikan para graduan dalam bidang-bidang tersebut layak berdaftar dengan MBOT, pemberi pendidikan tinggi adalah diseru untuk mendapatkan akreditasi daripada MBOT. Sebagai makluman, program-program yang menerima akreditasi MBOT, secara automatik akan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta mendapat pengiktirafan daripada Seoul Accord.

5. Perhatian daripada pemberi pendidikan tinggi berhubung perkara ini amat dihargai. Sebarang pertanyaan berhubung proses akreditasi atau maklumat tambahan boleh dikemukakan melalui e-mel [ttas@mbot.org.my](mailto:ttas@mbot.org.my).

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



**(DR. MD FAUZI BIN MD ISMAIL)**

Pendaftar

Lembaga Teknologis Malaysia

Salinan kepada:

1. YBhg. Datuk Dr. Anesee Ibrahim  
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 W.P. Putrajaya
2. YBhg. Datuk Profesor Dr. Azlinda binti Azman  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Aras 9, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 W.P. Putrajaya
3. YBrs. Dr. Shamsuri Abdullah  
Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Galeria PjH, Aras 4-7  
Jalan P4W, Presint 4  
62100 Putrajaya